

PERANTI KOHESI DI DALAM NOVEL TERJEMAHAN TERPILIH HARRY POTTER¹

Jamilah Bebe Binti Mohamad
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 25300 Gambang
Pahang, MALAYSIA
Email: ella_jamilahbebe@yahoo.com

Nursyaheedah Binti Muhammad Isa
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 25300 Gambang
Pahang, MALAYSIA
Email: syaheedah@ump.edu.my

Fathiah Izzati Binti Mohamad Fadzillah
Pusat Bahasa Moden & Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang, Lebuhraya Tun Razak, 25300 Gambang
Pahang, MALAYSIA
Email: fathiah@ump.edu.my

ABSTRAK

Makalah ini akan membincangkan aspek peranti kohesi yang terdapat di dalam tiga novel terjemahan terpilih Harry Potter. Peranti kohesi merujuk kepada penekanan kepada aspek nahu dan semantik di dalam sesebuah wacana khususnya penghasilan sesebuah teks. Dikatakan bahawa aspek nahuan dan semantik mempunyai perkaitan dalam menghasilkan sesebuah wacana, iaitu melalui jalinan frasa, klausa dan ayat tertentu. Kewujudan peranti kohesi ini bukan sahaja akan menghasilkan teks wacana yang berstruktur tetapi makna yang ingin disampaikan juga dapat dipaparkan dengan jelas dan konsisten. Dalam kertas kerja ini peranti kohesi yang dibincangkan berfokus kepada peranti kohesi leksikal dan peranti kohesi nahuan. Perbincangan dalam kertas kerja ini akan memanfaatkan gagasan teori yang diperkenalkan oleh Halliday & Hassan (1976). Data kajian ini ialah pelbagai petikan contoh daripada sumber primer. Sumber primer data bagi kajian ini ialah teks di dalam tiga novel terjemahan Harry Potter karya J. K. Rowling yang dipilih. Analisis dan perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini hanya akan memaparkan contoh data yang terpilih kerana pemilihan contoh data adalah bersifat mewakili. Perbincangan menunjukkan sememangnya terdapat penggunaan peranti kohesi leksikal dan nahuan dalam penghasilan novel ini.

Kata kunci: Peranti kohesi, Novel terjemahan Harry Potter, Kohesi leksikal, Kohesi nahuan

PENGENALAN

Peranti kohesi telah diperkenalkan oleh Halliday & Hasan (1976) menekankan perkaitan antara aspek nahu dan semantik di dalam sesebuah wacana. Dikatakan bahawa aspek nahuan dan semantik mempunyai perkaitan dalam menghasilkan sesebuah wacana, iaitu melalui jalinan frasa, klausa dan ayat tertentu. Kohesi merupakan aspek formal bahasa. Mengikut huraian Halliday & Hassan (1976) peranti kohesi mengandungi kohesi nahuan dan kohesi leksikal. Halliday & Hasan (1976) mengatakan bahawa terdapat empat jenis kohesi nahuan, iaitu perujukan, penggantian, pengguguran, dan kata penghubung. Kohesi nahuan penting untuk memperlihatkan kesinambungan ayat demi ayat di dalam sesebuah wacana. Manakala kohesi leksikal ialah apabila muncul dua kata di dalam teks yang berkait dari segi makna yang didukung. Hubungan antara leksikal di dalam sesebuah ayat boleh mewujudkan pertalian antara satu sama lain. Kohesi leksikal boleh wujud melalui proses pengulangan dan kolokasi. Oleh yang demikian, objektif kajian ini adalah untuk melihat sejauhmana penggunaan peranti kohesi di dalam novel terjemahan Harry Potter dan bagaimanakah penggunaan peranti kohesi ini mampu menghasilkan teks novel terjemahan ini supaya diterima dan difahami oleh khalayak pembaca di negara ini. Hal ini demikian kerana penghasilan sesebuah novel terjemahan lazimnya mengadaptasikan sumber asal melalui terjemahan langsung yang akhirnya menyebabkan berlakunya kejanggalan dan kepelikikan kepada novel terjemahan yang dihasilkan. Selain itu, penghasilan novel terjemahan yang tidak menggunakan kata hubung yang tepat dan sesuai akan menyebabkan pembaca tidak dapat memahami dengan jelas maksud yang ingin disampaikan. Berdasarkan objektif dan permasalahan ini, perbincangan dalam kertas kerja ini akan dibahagikan kepada 4 bahagian utama. Perbincangan akan dimulakan dengan memperkenalkan novel terjemahan Harry Potter, iaitu sebuah novel yang asalnya dihasilkan oleh J.K. Rowling dan diikuti dengan tinjauan kajian berkaitan dengan kertas kerja ini. Tinjauan kajian akan meliputi aspek kajian yang pernah dilakukan menggunakan novel Harry Potter dan kajian yang pernah dilakukan terhadap penggunaan kata hubung. Bahagian seterusnya akan menyentuh mengenai teori dan metodologi kajian yang akan digunakan dalam kertas kerja ini. Setelah itu, barulah perbincangan mengenai penggunaan peranti kohesi dan diikuti dengan rumusan kajian ini.

¹ Kertas kerja ini akan dibentangkan di 5th Kuala Lumpur Communication, Education, Language, & Social Science Conference (KLICELS) pada 19-20 November 2016 bertempat di Hotel Bangi, Putrajaya MALAYSIA.

NOVEL TERJEMAHAN TERPILIH HARRY POTTER

Novel Harry Potter merupakan tujuh karya bertulis dalam bentuk siri yang dihasilkan oleh penulis British J. K. Rowling. Novel bersiri ini telah dijual lebih daripada 400 juta salinan, diterjemahkan kepada 67 bahasa yang terdapat di dunia (*BBC News. Rowling 'makes £5 every second'* 3 October 2008) dan empat siri yang terakhir mencatatkan rekod sebagai karya yang paling cepat terjual dalam sejarah. Karya ini bukan sahaja popular sebagai sebuah novel malah turut diadaptasikan ke dalam bentuk filem.

Dalam kedua-ke dua mode persembahan karya ini, pembaca atau penonton dibawa meneroka kehidupan ahli sihir Harry Potter, Ronald Weasley, Hermione Granger dan rakannya yang lain yang dididik untuk menjadi ahli sihir di Hogwarts. Fokus utama dalam semua cerita Harry Potter ialah kronikal atau babad Harry Potter menentang ahli sihir gelap Lord Voldemort. Sebagaimana yang dinyatakan, novel Harry Potter boleh dianggap sebagai genre khayalan, kesusasteraan kanak-kanak atau babad perkembangan kanak-kanak menjadi dewasa (*chronicles of coming of age*) dengan tema utama 'kematian' dan tema sampingan, seperti prejudis dan sogokan (*Harry Potter*, t.t., http://en.wikipedia.org/wiki/Harry_Potter#cite_note_Translations_for_Harry_Potter-2).

Novel Harry Potter boleh dikatakan wacana yang secara amnya dianggap sebagai komunikasi dalam bentuk pertuturan atau bertulis. Dalam hal ini, novel Harry Potter mengandungi unsur yang disebut sebagai teks dan konteks yang memaparkan amalan sosiobudaya. Kajian ini cuba menganalisis aspek amalan sosiobudaya di dalam tiga siri novel terjemahan dalam bahasa Melayu Harry Potter, iaitu siri pertama *Harry Potter dengan Batu Hikmat (Harry Potter and the Sorcerer's Stone)* siri kedua *Harry Potter dan Bilik Rahsia (Harry Potter and the Secret Chamber)* dan siri ketiga *Harry Potter dengan Banduan Azkaban (Harry Potter and the Prisoner of Azkaban)*. Ketiga-tiga novel Harry Potter yang dipilih ialah buku asal terjemahan terbitan Pelangi Sdn. Bhd, bukannya buku terjemahan yang difotokopi atau dicetak melalui lawan sesawang.

Novel terjemahan Harry Potter dipilih dalam kajian ini kerana penghasilan novel sebegini sudah tentu mempunyai strategi, kaedah, penulisan dan terjemahan yang tertentu sehingga mampu menjadi antara novel terlaris di negara ini. Seterusnya, novel terjemahan ini sudah tentu diterjemahkan sesuai dan selaras dengan penerimaan khalayak pembaca di negara ini. Oleh yang demikian, penggunaan dan pemilihan kata-kata yang dimuatkan dalam novel ini merupakan kosa kata yang terpilih dan bersesuaian sahaja. Dengan penelitian ini, para penulis dan penghasil karya dapat didedahkan dengan penggunaan kohesi dan koheran yang tepat dalam penghasilan karya novel mereka.

TEORI DAN METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Pendekatan sebegini lazimnya digunakan dalam pelbagai disiplin ilmu, terutamanya sains sosial. Kajian yang menerapkan pendekatan kualitatif bertujuan untuk menafsir dan mengupas fenomena sosial yang berlaku dalam kehidupan manusia dan masyarakat (Sarjit Singh & Zahid Emby, 2010: 73). Pendekatan sebegini bermatlamat untuk mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang tingkah laku manusia dan faktor yang mendorong manusia bertindak sebegini. Berlatar belakangkan suasana dan keadaan semula jadi, pendekatan ini cuba mendapatkan gambaran menyeluruh sesebuah kajian. Hal ini berdasarkan definisi dan ciri-ciri yang dijelaskan oleh Cresswell (2005: 39) dan Berg (2004: 7) iaitu:

"Qualitative research properly seeks answers to question by examining various social settings and the individuals who inhabit these settings. Qualitative researchers, then are more interested in how humans arrange themselves and their inhabitants of these settings make sense of their surroundings through symbols, rituals, social, structures, social roles and so fourth."

Berdasarkan pandangan ini maka kajian ini cuba menganalisis seluruh aspek konteks yang terdapat di dalam teks yang dipilih.

Berkaitan dengan analisis teks pula, pernyataan Dabbs (1982) sesuai untuk diaplikasikan apabila beliau menyatakan bahawa kajian yang bersifat kualitatif:

"Indicates that the notion of quality is essential to the natural things. Quality refers to the what, how, when, and where of the thing-its essence and ambience. Qualitative research thus refers to the meaning, concepts, definitions, characteristics, metaphors, symbols, and descriptions of things."

Tujuan pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif di dalam kajian ini adalah untuk menyingkap pemikiran manusia yang dimanifestasikan dalam bentuk penulisan yang dipengaruhi oleh pengalaman, budaya dan konteks kehidupan mereka. Data teks daripada novel terjemahan Harry Potter dipilih kerana penghasilan novel bersiri sebegini banyak dipengaruhi oleh pengalaman budaya dan konteks kehidupan masyarakat tertentu. Faktor-faktor ini dianggap mempengaruhi penulis novel ini dalam menghasilkan novel tersebut. Kajian kualitatif ini akan dilaksanakan melalui dua peringkat, iaitu peringkat pengumpulan data dan analisis data. Oleh yang demikian analisis dan perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini hanya akan memaparkan contoh data yang terpilih kerana pemilihan contoh data adalah bersifat mewakili. Berikut merupakan kerangka teoretis kajian ini yang diadaptasikan daripada Halliday & Hasan (1976):



Adaptasi daripada Halliday & Hasan (1976)

PERBINCANGAN PERANTI KOHESI

Perbincangan dalam kertas kerja ini hanya melibatkan aspek peranti kohesi nahuan yang melibatkan kata hubung dan kedua-dua peranti kohesi leksikal pengulangan dan kolokasi. Berikut merupakan perbincangan kedua-dua aspek ini.

1.0 PERANTI KOHESI NAHUAN KATA HUBUNG

Kata hubung ialah kata yang bertindak untuk menghubungkan perkataan dengan perkataan, perenggan dengan perenggan dan klausa dengan klausa. Ayat demi ayat juga boleh digabungkan lalu membentuk ayat majmuk (Harimurti Kridalaksana, 1984: 105). Asmah Haji Omar (1993: 191-200), juga mendefinisikan kata penghubung sebagai kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa. Menurutnya, kata penghubung ada dua bentuk, iaitu kata penghubung setara dan tak setara. Kata penghubung setara menghubungkan dua unsur setara dan kata penghubung tak setara manakala kata penghubung tak setara ialah kata penghubung yang terdapat pada klausa subordinat yang berfungsi dalam ayat induk.

Kata penghubung ialah unsur bahasa yang menjadi alat penghubung yang berfungsi sebagai penghubung unit-unit linguistik yang lain (Halliday & Hasan, 1976: 227). Tokoh ini menganggap kata penghubung ialah peranti kohesi nahuan dan leksikal. Kata penghubung yang sesuai harus digunakan untuk menimbulkan hubungan logik dengan konteks. Terdapat empat kata penghubung yang dianalisis di dalam kajian ini berdasarkan kerangka peranti kohesi Halliday & Hasan (1976), iaitu kata penghubung tambahan, tentangan, sebab-musabab dan waktu.

1.1 Kata Penghubung Tambahan

Kata penghubung tambahan ialah unsur tatabahasa yang menjelaskan dan menghuraikan maklumat tambahan yang terdapat di dalam sesuatu ayat dalam sesebuah wacana. Maklumat yang dimasukkan selepas penggunaan kata penghubung ini merupakan maklumat tambahan. Nik Safiah Karim (2006: 239) menganggap kata penghubung ini sebagai kata penghubung gabungan berbanding dengan Asmah Haji Omar (1993) yang menganggap kata penghubung ini sebagai kata penghubung setara. Beliau menyatakan kata penghubung setara menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya dan jika melibatkan klausa, klausa tersebut ialah dua klausa utama. Beliau menyenaraikan beberapa kata penghubung setara, iaitu “dan, tetapi, atau, serta, seraya, walhal dan

manakala”. Nik Safiah Karim (2006) menjelaskan kata penghubung sebagai kata penghubung gabungan, iaitu jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya. Ayat gabungan yang terbentuk menggunakan kata penghubung ini disebut ayat majmuk gabungan. Antara kata penghubung yang beliau senaraikan ialah dan, atau, tetapi, serta, lalu, malahan, sambil dan kemudian. Kata penghubung ‘tetapi’ yang disenaraikan oleh kedua-dua tokoh akan dibincangkan sebagai kata penghubung bertentangan kerana makna yang dibawa perkataan ‘tetapi’ ini jelas menunjukkan makna pertentangan antara satu sama lain di samping selaras dengan saranan Halliday dan Hassan (1976). Berikut merupakan jadual yang memuatkan kata penghubung tambahan yang terdapat di dalam novel yang dikaji:

Jadual 1.1: Kata penghubung tambahan yang terdapat di dalam novel terjemahan terpilih *Harry Potter*

Bil	Kata penghubung tambahan
1	Dan
2	Atau
3	Malahan
4	ambil, serta
5	Manakala
6	Lalu

1.1.1 Dan

Kata penghubung ‘dan’ digunakan untuk menggandingkan dua unsur, yakni dua klausa dan klausa kedua merupakan lanjutan cerita daripada klausa pertama. Ada sesetengah klausa yang menggunakan kata penghubung tambahan ‘dan’ menggugurkan unsur-unsur tertentu dalam klausa tersebut, yakni unsur yang sama dengan unsur klausa yang telah ada (Asmah Haji Omar, 1993: 191). Berikut merupakan contoh penggunaan kata penghubung tambahan yang terdapat di dalam novel terjemahan ini:

“Semoga selamat, Harry” bisik Dumbledore. Dia berpaling *dan* dengan satu desiran jubahnya, terus ghaib.”

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 17)

Contoh di atas menunjukkan bahawa penggunaan kata penghubung ‘dan’ digunakan untuk menghubungkan klausa ‘dia berpaling’ dengan klausa ‘satu desiran jubahnya’. Klausa kedua, iaitu ‘dengan satu desiran jubahnya’ merupakan tambahan maklumat kepada klausa pertama ‘dia berpaling’. Kedua-dua klausa ini merupakan klausa yang setara sifatnya, penggunaan kata penghubung sebegini juga dikenali sebagai kata penghubung gabungan (Nik Safiah Karim, 2006: 239).

1.1.2 Atau

Kata penghubung tambahan berfungsi menambah maklumat dengan cara memberi pilihan antara benda yang disebutkan dengan benda yang telah sedia ada. Asmah Haji Omar (1993: 194) menyatakan bahawa kata penghubung ‘atau’ menyatakan pilihan antara dua proposisi, kalau bukan x, maka y. Penggunaan ‘atau’ dapat dilihat di dalam novel terjemahan Harry Potter melalui contoh ini:

“Tolak lima markah dari Gryffindor!” kata Percy ringkas dan kasar sambil memegang lencana pengawasnya. “Abang harap hukuman ini dapat mengajar kamu! Jangan memandai-mandai hendak menjadi penyiasat, *atau* abang akan tulis surat kepada ibu!” Percy kemudian melangkah pergi. Tenguknya semerah telinga Ron.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 155)

Melalui contoh ini kata penghubung ‘atau’ menjelaskan hal yang dikatakan oleh Asmah Haji Omar (1993), iaitu kalau bukan x, maka y. Ron diberi peluang memilih dua pilihan yang diberikan Percy, iaitu “memandai-mandai hendak menjadi penyiasat” (x) dan “abang akan tulis surat kepada ibu” (y). Oleh itu sekiranya, Ron berhenti menjadi penyiasat maka Percy tidak akan menulis surat kepada ibunya. Namun begitu, sekiranya Ron memilih untuk terus menjadi penyiasat maka Percy akan menulis surat kepada ibu mereka. Inilah yang dimaksudkan kalau bukan x, maka y. Penggunaan kata penghubung ‘atau’ tidak membenarkan kedua-dua situasi dilakukan serentak dan individu dikehendaki melakukan pemilihan.

1.1.3 Malahan

Kata penghubung tambahan ‘malahan’ boleh ditukar ganti dengan ‘malah’ dan ‘bahkan’ kerana fungsi ketiga-tiganya sama. Dari segi makna, ketiga-tiga kata penghubung ini merujuk kepada dua keadaan (Asmah Haji Omar, 1993: 198). Keadaan kedua dianggap sebagai penambahan (menokok tambah) kepada keadaan yang disebut lebih awal. Bahagian pertama biasanya mempunyai ungkapan penafian ‘bukan sahaja’ atau ‘tidak sahaja’, sedangkan bahagian kedua boleh sekiranya ingin digunakan sebagai penegasan. Contoh penggunaan kata penghubung ini di dalam novel terjemahan Harry Potter ialah:

Orang yang lalu-lalang merenung Hagrid ketika mereka berjalan merentas kota kecil itu menuju ke stesen kereta api. Harry tidak menyalahkan mereka. Hagrid *bukan sahaja* dua

kali ganda lebih tinggi daripada mereka, *malahan* sentiasa menunjuk ke arah objek-objek yang biasa seperti meter tempat meletak kereta, dan bercakap dengan kuat, "Lihat tu, Harry. Benda-benda begini yang dicari oleh Muggle."

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 67)

Penggunaan kata penghubung di dalam contoh merujuk kepada dua keadaan. Pertama, Hagrid bukan sahaja dua kali ganda lebih tinggi daripada mereka dan kedua, Hagrid sentiasa menunjuk ke arah objek-objek yang biasa seperti meter tempat meletak kereta, dan bercakap dengan kuat. Keadaan kedua merupakan tambahan kepada keadaan pertama. Ungkapan penafian bukan sahaja sememangnya dapat dilihat dalam ungkapan pertama malah ungkapan kedua tidak menggunakan 'juga' sebagai penegasan seperti pandangan Asmah Haji Omar (1993) yang menyatakan bahawa ayat kedua boleh menggunakan 'juga' untuk penegasan. Hal ini demikian kerana 'juga' bukanlah satu kemestian dalam ayat kedua kecuali untuk menyatakan penegasan.

1.1.4 Sambil

Kata penghubung tambahan "sambil", "seraya" dan "serta" merupakan kata penghubung yang boleh bertukar ganti antara satu sama lain. Ketiga-tiga kata penghubung ini mendukung komponen makna 'dan pada masa itu'. Hal ini menunjukkan kata penghubung ini mendukung dua komponen makna, iaitu makna 'dan' dan 'waktu pada masa itu'. Oleh itu, kata penghubung ini mempunyai dua makna kerana salah satu komponen maknanya ialah 'dan'. Akan tetapi kata penghubung ini sebenarnya berbeza dengan 'dan' kerana 'dan' tidak mempunyai komponen makna 'waktu'. Kata penghubung ini lazimnya menghubungkan klausa predikat sahaja (Asmah Haji Omar, 1993: 209). Contoh penggunaan kata penghubung 'sambil' di dalam novel ini adalah seperti yang berikut:

"Macam mana sekarang?" kata Mak Cik Petunia *sambil* memandang Harry dengan berang seolah-olah Harry yang merancang semua itu. Harry tahu bahawa dia sepatutnya berasa kasihan kepada Puan Figg kerana kakinya patah, tetapi tidak mudah apabila dia mengingatkan dirinya bahawa dia ada setahun lagi sebelum terpaksa menghadap gambar kucing perempuan tua itu, Tibbles, Snowy, Encik Paws dan Tufty.

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 23)

Di dalam contoh di atas penggunaan kata penghubung *sambil* menunjukkan dua klausa dihubungkan. Penggabungan ini menunjukkan kata penghubung ini menambahkan maklumat dan menyatakan waktu. Penambahan maklumat berlaku kerana komponen makna 'dan' yang didukung oleh kata penghubung ini. Seterusnya, kata penghubung ini menunjukkan perlakuan pada waktu tersebut atau tindakan waktu itu. Ini bermakna dengan penggunaan kata penghubung 'sambil' pernyataan pertama "Macam mana sekarang?" kata Mak Cik Petunia dan pernyataan kedua "memandang Harry dengan berang seolah-olah Harry yang merancang semua itu," menjelaskan bahawa Mak Cik Petunia bertanya dan memandang Harry dalam masa yang sama. Dengan erti kata lain, dua pernyataan ini bukan saja digabungkan tetapi menjelaskan dua perbuatan tersebut berlaku serentak. Berikut merupakan penggunaan kata penghubung 'serta' di dalam novel terjemahan ini:

Dudley dan Harry berkongsi sebuah bilik dengan katil berkembar *serta* selimut yang lembap dan berbau hapak. Dudley sudah tidur mendengkur tetapi Harry masih belum tidur. Dia duduk di ambang tingkap sambil merenung lampu kereta yang lalu-lalang dan tertanya-tanya.

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 43)

Contoh ini sama seperti contoh penggunaan kata penghubung 'sambil' iaitu menggabungkan dua ayat dengan mendukung makna 'dan' dan 'pada masa itu'. Berdasarkan komponen makna 'dan' 'selimut yang hapak dan berbau busuk' merupakan tambahan maklumat kepada Dudley dan Harry berkongsi sebuah bilik dengan katil berkembar. Namun begitu, kata penghubung 'serta' di dalam contoh ini juga menunjukkan komponen makna 'pada masa itu' yakni mereka berdua berkongsi katil dan selimut pada masa itu. Oleh itu, jelaslah bahawa 'serta' menunjukkan makna 'dan pada masa itu'. Berdasarkan kedua-dua contoh kata penghubung 'sambil' dan 'serta', kedua-duanya boleh bertukar ganti antara satu sama lain tanpa menjejaskan sebarang makna. Perkataan *seraya* pula sudah tidak digunakan lagi dalam bahasa Melayu moden tetapi penggunaannya terdapat dalam bahasa Melayu klasik.

1.1.5 Manakala

Kata penghubung 'manakala' merupakan kata yang menyatakan dua keadaan yang berbeza atau menokok tambah. Kata penghubung ini tidak boleh disamakan dengan kata penghubung tak setara kerana dalam keadaan tersebut kata 'manakala' jarang digunakan (Asmah Haji Omar, 1993: 199).

"Syabas," kata seorang pelajar tahun lima yang tidak pernah berbual dengan Harry sebelumnya, *manakala* yang lain pula menepuk-nepuk belakangnya seolah-olah dia baru sahaja memenangi marathon.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 81)

Menerusi contoh ini, kata penghubung ‘manakala’ digunakan untuk menghubungkan dua keadaan yang berbeza di dalam ayat di atas. Keadaan pertama ialah ucapan syabas seorang pelajar tahun lima kepada Harry dan keadaan kedua ialah pelajar lain menepuk-nepuk belakang Harry. Penggunaan kata penghubung ‘manakala’ menunjukkan perbezaan kedua-dua keadaan ini. Selain menunjukkan perbezaan, penggunaan kata penghubung ‘manakala’ ini secara langsung menunjukkan bahawa berlakunya tokoh tambah maklumat kepada ayat tersebut.

1.1.6 Lalu

Nik Safiah Karim (2006) meletakkan kata penghubung ‘lalu’ sebagai kata penghubung gabungan. Kata penghubung ini dikatakan menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya. Kata penghubung ‘lalu’ mendukung komponen makna ‘kemudian daripada itu’, ‘sesudah itu’ atau ‘segera’. Penggunaan kata penghubung ‘lalu’ dapat dilihat menerusi contoh di bawah:

Hedwig yang masih marah terhadap Harry kerana kemalangan teruk yang menimpa mereka, tanpa diduga telah meluru keluar daripada pegangan Ron pada pagi Jumaat semasa kelas mantera **lalu** melanggar Profesor Flitwick tepat di antara kedua-dua belah matanya, menyebabkan benjolan lebam pada wajah profesor itu.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 101)

Penggunaan kata penghubung ‘lalu’ dalam ayat di atas menunjukkan perbuatan Hedwig melanggar Profesor berlaku sesudah Hedwig meluru keluar daripada pegangan Ron. Penggunaan kata penghubung ‘lalu’ juga menunjukkan makna kemudian itu, yakni Hedwig yang meluru keluar daripada pegangan Ron ‘kemudian itu’ melanggar Profesor Flitwick. Menerusi contoh di atas, jelaslah menunjukkan bahawa sesuatu yang telah berlaku akan menyebabkan sesuatu yang lain berlaku seterusnya. Penggunaan kata penghubung ‘lalu’ memaparkan dua peristiwa yang berlainan yang berlaku akibat sesuatu tindakan.

1.2 Penghubung Bertentangan

Kata penghubung tentangan merupakan kata penghubung yang menghubungkan maklumat yang bertentangan antara ayat yang baru diperkatakan dengan ayat sebelumnya di dalam sesebuah wacana (Henry Guntur Tarigan, 1995: 102). Kata penghubung bertentangan lazimnya menggabungkan dua preposisi yang berlainan. Penggunaan kata penghubung bertentangan akan mewujudkan keadaan satu klausa atau ayat menidakkan klausa atau ayat yang satu lagi. Antara kata penghubung bertentangan ialah “walaupun”, “sebaliknya”, “tetapi”, “namun”, dan “walau bagaimanapun”.

Jadual 1.2: Kata penghubung bertentangan yang terdapat di dalam novel terjemahan terpilih *Harry Potter*

Bil	Kata penghubung tambahan
1	Tetapi

1.2.1 Tetapi

Asmah Haji Omar (1993: 193) mengatakan kata penghubung ‘tetapi’ mempunyai komponen makna ‘berlawanan’. Hal ini demikian kerana kata penghubung ini menghubungkan dua preposisi yang berlainan antara satu sama lain. Fungsi berlawanan itu tidak perlu dinyatakan dengan kata nafi kerana kenyataan yang berlawanan itu ternyata bertentangan antara satu sama lain.

Walaupun kata penghubung ini diletakkan sebagai kata penghubung setara dalam *Nahu Melayu Mutakhir* (1993) tetapi komponen makna yang dibawa ialah makna ‘berlawanan’. Ini secara langsung menunjukkan bahawa kata penghubung ‘tetapi’ tidak menghubungkan dua klausa yang sama tara sifatnya seperti makna yang dibawa oleh kata penghubung setara. Oleh itu, kata penghubung ‘tetapi’ digunakan sebagai kata penghubung bertentangan walaupun kata penghubung ini menghubungkan dua klausa tetapi sifatnya tidak setara. Lazimnya penggunaan kata penghubung ini bertujuan untuk menghubungkan dua pernyataan yang bertentangan antara satu sama lain. Contoh, kata penghubung bertentangan ‘tetapi’ yang digunakan di dalam novel terjemahan Harry Potter yang dipilih adalah seperti yang berikut:

Hermione membuka mulutnya, mungkin untuk memberitahu Ron cara tepat untuk menggunakan Sumpahan Momok itu, **tetapi** Harry mendesisnya supaya diam dan menunjukkan isyarat supaya mereka semua maju ke depan.

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 161)

Penggunaan kata penghubung ‘tetapi’ di dalam contoh di atas menunjukkan bahawa kenyataan yang tidak sama digabungkan. Pernyataan pertama ialah Hermione yang cuba membuka mulutnya untuk memberitahu Ron cara tepat menggunakan Sumpahan Momok dan pernyataan kedua ialah Harry mendesisnya supaya diam. Kedua-dua pernyataan ini ternyata bertentangan antara satu sama lain. Dengan itu, kata nafi tidaklah perlu dimasukkan ke dalam ayat tersebut untuk menggambarkan perlawanan makna yang dibawa oleh kedua-dua pernyataan itu.

Selain itu, terdapat penggunaan kata penghubung ‘tetapi’ pada pangkal ayat. Namun begitu, penggunaan kata penghubung sebegini masih menggabungkan dua ayat. Berikut merupakan contoh penggunaan kata penghubung ‘tetapi’ di pangkal ayat:

Profesor Lupin dengan sengaja telah menghalangnya daripada mengatasi Boggart tadi. Mengapa? Adakah kerana dia pernah melihat Harry rebah ketika di kereta api dahulu dan berpendapat yang keadaan itu akan berulang? Adakah dia fikir Harry akan pengsan lagi?
Tetapi tiada sesiapa yang menyedari apa-apa.

(Sumber: Harry Potter dengan Banduan Azkaban (3): 132)

Berdasarkan contoh ini, ayat pertama, iaitu ‘Adakah dia fikir Harry akan pengsan lagi?’ digabungkan dengan ayat kedua, iaitu ‘tiada sesiapa yang menyedari apa-apa’ dengan menggunakan kata penghubung ‘tetapi’. Penggunaan kata penghubung ‘tetapi’ menjelaskan apa-apa yang difikirkan oleh Profesor Snape tidak difikirkan oleh orang lain. Walaupun kata penghubung ‘tetapi’ hadir di pangkal ayat kedua, kata ini masih menepati fungsinya untuk menggabungkan ayat yang bertentangan makna. Penggunaan kata penghubung ‘tetapi’ dalam bentuk sebegini menjadikan ayat berbunyi cakap ajuk.

1.3 Penghubung Sebab-Musabab

Kata penghubung sebab-musabab menghubungkan dua ayat dengan hubungan sebab dan akibat. Kata penghubung sebab musabab diletakkan sebagai kata penghubung tidak setara di dalam *Nahu Melayu Mutakhir* (1993). Kata penghubung ini dikenal sebagai penghubung musabab yang terdiri daripada sebab, kerana, dan oleh sebab. Lazimnya, penghubung sebab musabab menerangkan sebab berlakunya sesuatu perkara. Terdapat tiga kata penghubung sebab musabab yang dimuatkan di dalam novel ini, iaitu “kerana”, “sebab” dan “oleh itu” seperti jadual yang berikut:

Jadual 1.3: Kata penghubung sebab musabab yang terdapat di dalam novel terjemahan terpilih *Harry Potter*

Bil	Kata penghubung Sebab-Musabab
1	kerana
2	Sebab
3	oleh itu

1.3.1 Kerana

Nahu Melayu Mutakhir (1993) meletakkan kata penghubung ‘kerana’ sebagai penghubung musabab. Kata penghubung ‘kerana’ merupakan kata tugas yang dikenali sebagai kata penghubung pancangan keterangan. Kata penghubung keterangan ini berfungsi untuk menghubungkan klausa yang menjadi keterangan pada satu klausa utama (Nik Safiah Karim et al., 2006: 241). Hal ini bermakna, penggunaan kata penghubung ‘kerana’ selepas ayat utama akan memberikan ayat utama ini penjelasan berikutnya. Hal ini terbukti melalui penggunaan kata penghubung sebab-musabab ‘kerana’ dalam novel terjemahan Harry Potter seperti contoh ini:

“Saya betul-betul kasihan,” kata Draco Malfoy dalam suatu kelas Posyen, “kepada pelajar yang terpaksa tinggal di Hogwarts pada Hari Krismas **kerana** mereka tidak dikehendaki di rumah.”
Dia memandang Harry ketika berkata demikian.

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (2): 199)

Berdasarkan ayat contoh ini penggunaan kata penghubung ‘kerana’ sememangnya menjadikan ayat kedua sebagai penerangan lanjutan kepada ayat utama. Ayat utama yang menunjukkan Draco berasa kasihan kepada pelajar yang tinggal di Hogwarts semasa Krismas menjadi persoalan ‘sebab’ perasaan kasihannya itu. Kemudian kata penghubung ‘kerana’ yang berfungsi untuk menjelaskan sesuatu memberikan sebab Draco berasa kasihan, iaitu kerana Draco menganggap pelajar-pelajar itu tidak dikehendaki di rumah mereka. Jelaslah kata penghubung ‘kerana’ memberikan keterangan kepada sesuatu yang dinyatakan pada awalnya.

1.3.2 Sebab

Kamus Dewan Edisi Ketiga (202), mentafriskan ‘sebab’ sebagai sesuatu yang mengakibatkan sesuatu. Berdasarkan makna perkataan ini jelaslah bahawa kata ‘sebab’ boleh menjadi penghubung untuk menjelaskan sesuatu. Hal ini selaras dengan pandangan Asmah Haji Omar (1993) yang meletakkan ‘sebab’ sebagai kata penghubung musabab. Novel terjemahan Harry Potter yang dipilih juga menggunakan kata penghubung ini seperti contoh yang berikut:

“Dia ada di sini, Sirius,” jelas Lupin dengan berat hati. Dia juga mengajar di sini.” Dia memandang Harry, Ron dan Hermione.

“Profesor Snape bersekolah bersama-sama kami. Dia berusaha keras menentang perlantikan saya sebagai guru Pertahanan Terhadap Ilmu Hitam. Dia beritahu Profesor Dumbledore sepanjang tahun yang saya tak boleh dipercayai.”

Dia ada **sebab** yang munasabah...kamu tahu, Sirius telah mengenakannya yang membuat dia hampir-hampir terbunuh, gurauan yang melibatkan saya...”

(Sumber: Harry Potter dengan Banduan Azkaban (3): 343)

Berdasarkan petikan tersebut tindakan Profesor Snape yang menghalang perlantikan Lupin menjadi guru Pertahanan Terhadap Ilmu Hitam tidak akan diketahui sekiranya tiada penggunaan kata penghubung ‘sebab’. Penggunaan kata penghubung ‘sebab’ yang menyambungkan ayat di atas menjelaskan maklumat berkaitan tindakan Profesor Snape. Maklumat yang diberikan ialah Profesor Snape mempunyai alasan tertentu dia berbuat demikian mungkin kerana gurauan terhadapnya yang melibatkan Profesor Lupin suatu ketika dahulu tidak menyenangkan hatinya. Penggunaan kata penghubung sebab-musabab ‘sebab’ di dalam petikan ini memberikan sebab langsung kepada tindakan Profesor Lupin seperti yang dinyatakan.

1.3.3 Oleh itu

Kata penghubung ‘oleh itu’ yang merupakan sinonim makna yang didukung ‘oleh sebab’ jelas menyatakan bahawa komponen maknanya menerangkan sesuatu tindakan. Penggunaan kata penghubung ‘oleh itu’ juga dilihat sebagai penerangan sebab yang ditampilkan secara tegas. Hal ini berkemungkinan disebabkan kata tunjuk ‘itu’. Berikut merupakan contoh penggunaan kata penghubung ‘oleh itu’ di dalam novel terjemahan yang dipilih:

“Dan Ginny juga telah memberitahu saya bahawa seluruh sekolah telah heboh bercerita tentang kebolehan kamu bercakap dalam Parseltongue...”

“**Oleh itu** saya² telah menyuruh Ginny menulis pesanan terakhirnya di tembok, kemudian masuk ke sini dan menunggu. Dia memberontak dan menangis, dan menjadi terlalu bosan.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 31)

Petikan ini menunjukkan penggunaan kata penghubung ‘oleh itu’ yang menjelaskan tindakan yang seharusnya dilakukan Ginny setelah dia menceritakan kebolehan Harry kepada Tom Riddle. Penggunaan ‘oleh itu’ memberikan maklumat selanjutnya yang dilakukan oleh Ginny berdasarkan arahan Tom Riddle. Dengan erti kata lain, penggunaan ‘oleh itu’ menerangkan lanjutan kepada peristiwa Ginny menceritakan kebolehan Harry kepada Tom Riddle dan ini menerangkan sebab Tom Riddle mengambil tindakan sebegitu kepada Ginny. Selain itu, penghubung ini dianggap digunakan secara tegas untuk menjelaskan arahan Tom Riddle kepada Ginny kerana diikuti oleh kata tunjuk ‘itu’.

1.4 Penghubung Waktu

Penghubung waktu lazimnya merujuk kepada masa, urutan masa atau siri berlakunya sesuatu peristiwa (Nik Safiah Karim et al., 2004: 99). Asmah Haji Omar (1993: 200) mengatakan kata penghubung ‘masa’ ialah penghubung waktu. Kata penghubung waktu boleh terdiri daripada apabila, bila, telah, ketika, tatkala, kemudian, pertama/kedua³, selepas, akan, kini, semasa, pada waktu dan pada masa. Berikut merupakan antara kata penghubung waktu yang terdapat di dalam novel terjemahan Harry Potter yang dipilih:

Jadual 1.4: Kata penghubung waktu yang terdapat di dalam novel terjemahan terpilih *Harry Potter*

Bil	Kata penghubung Masa
1	Apabila
2	Telah
3	Ketika
4	kemudian
5	Selapas
6	Akan
7	Kini
8	pada masa
9	pertama, kedua, ketiga

² Saya yang dimaksudkan ialah Tom Riddle. Sila rujuk buku siri kedua Harry Potter dengan Bilik Rahsia: 310-311

³ Lazimnya melibatkan angka tertentu yang membawa maksud berkaitan masa seperti siri berlakunya sesuatu peristiwa atau kejadian.

1.4.1 Apabila

'Apabila' dikatakan bersinonim dengan 'bila' dan diletakkan sebagai kata tugas di dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (2006). Kata penghubung 'apabila' dianggap sebagai kata penghubung pancangan relatif (Nik Safiah Karim et al., 2006: 241). Hal ini bermakna, penggunaan kata penghubung 'apabila' adalah untuk memberikan penerangan kepada klausa utama. Sememangnya, kata penghubung ini merupakan kata yang memberikan penerangan tetapi penerangan yang diberi berfokus kepada soal waktu. Penerangan kepada waktu selaras dengan makna yang didukung oleh kata penghubung ini, iaitu semasa, sewaktu, ketika dan bilamana (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*: 57). Berikut merupakan contoh penggunaan kata penghubung 'apabila' dalam novel terjemahan Harry Potter yang dikaji:

Dia tidak pernah melihat anak saudaranya. Mungkin namanya Harvey, atau Harold. Tidak ada gunanya dia merisaukan isterinya. Wanita itu selalu susah hati **apabila** nama adiknya disebut-sebut. Dia tidak menyalahkan isterinya jika dia ada adik perempuan seperti itu, tetapi semua sama, lelaki berjubah itu pun... Encik Dursley semakin sukar menumpukan perhatian terhadap kerjanya pada petang itu dan apabila dia meninggalkan bangunan pejabatnya pada pukul lima, dia masih sangat cemas sehingga terlanggar seorang lelaki ketika keluar.

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 5)

Kata penghubung 'apabila' digunakan untuk menghubungkan 'wanita itu selalu susah hati' dengan 'nama adiknya disebut-sebut'. Penggunaan kata penghubung 'apabila' antara kedua-dua klausa ini menunjukkan klausa keterangan nama adiknya disebut-sebut memberikan penerangan sebab wanita itu selalu susah hati. Hal ini bermakna kata penghubung 'apabila' menjelaskan bahawa wanita itu selalu susah hati semasa atau pada masa nama adiknya disebut-sebut. Penjelasan selepas kata penghubung 'apabila' menunjukkan bahawa tindakan wanita itu hanyalah semasa nama adiknya disebut-sebut, bukan pada waktu atau masa lain.

1.4.2 Telah

Kata 'telah' dikenali sebagai kata tugas dan diletakkan sebagai kata bantu aspek di dalam *Tatabahasa Dewan Edisi Baharu* (2002). Kata bantu aspek ialah jenis perkataan yang bertugas membantu frasa kerja, frasa adjektif dan frasa sendi nama, iaitu dengan menimbulkan makna-makna tambahan dari aspek waktu, khususnya menimbulkan suasana perbezaan masa (Nik Safiah Karim, 2006: 246). Oleh sebab penerangnya berkaitan masa jelaslah bahawa kata ini sebenarnya menghubungkan sesuatu tindakan yang sudah selesai, sempurna atau perbuatan lampau maka bolehlah dikatakan bahawa kata ini dapat berfungsi sebagai kata penghubung waktu. Contoh penggunaan kata penghubung waktu dalam novel terjemahan Harry Potter ialah:

"Mereka tahu kamu datang ke sini?" tanya Harry ingin tahu. Dobby menggeletar. "Oh tidak, tuan, tidak...Dobby mesti menghukum diri sendiri kerana **telah** datang bertemu tuan. Dobby akan menyepitkan telinga Dobby di pintu oven."

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 13)

Petikan contoh menunjukkan kata penghubung 'telah' digunakan untuk menghubungkan pernyataan utama 'Dobby mesti menghukum diri sendiri' dengan pernyataan kedua 'datang bertemu tuan'. Kedua-dua pernyataan tersebut dihubungkan dengan kata penghubung waktu 'telah' yang menjelaskan bahawa tindakan Dobby menemui Harry ialah pertemuan yang sudah berlaku. Hal ini menjelaskan bahawa kata penghubung 'telah' memberikan penerangan Dobby menghukum dirinya apabila selesai atau sesudah menemui Harry.

1.4.3 Ketika

Mengikut Asmah Haji Omar (1993: 200) 'ketika' merupakan kata penghubung waktu dan diletakkan sebagai kata penghubung tidak setara. Kata penghubung 'ketika' membawa maksud waktu yang tertentu. Kata penghubung waktu 'ketika' digunakan untuk menyatakan sesuatu waktu yang tertentu dan penggunaannya boleh dilihat menerusi contoh dalam novel terjemahan Harry Potter seperti di bawah:

Cahaya menyelinap ke ruang tamu mereka, keadaan yang hampir sama seperti pada suatu **ketika** dahulu apabila Encik Dursley mendengar laporan berita yang telah tersurat tentang burung-burung hantu.

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 19)

Petikan di atas menunjukkan kedua-dua ayat di atas dihubungkan untuk menjelaskan suatu waktu tertentu. Penggunaan kata penghubung waktu 'ketika' menunjukkan Encik Dursley merasakan dirinya mengalami satu keadaan yang sama yang pernah dilaluinya suatu ketika dulu. Hal ini demikian kerana kata penghubung 'ketika' memberi makna waktu tertentu dan di dalam

petikan ini waktu tertentu tersebut ialah dahulu. Penggunaan kata penghubung waktu 'ketika' menunjukkan Encik Dursley merujuk kepada suatu keadaan tertentu, yakni keadaannya kini yang sama dengan keadaan duhulu semasa dia mendengar laporan berita yang telah tersurat tentang burung-burung hantu.

1.4.4 Kemudian

Menurut *Kamus Dewan Edisi Ketiga* (2002) 'kemudian' bermaksud selepas sesuatu waktu. Hal ini menunjukkan bahawa 'kemudian' ialah kata yang menerangkan waktu yang telah berlalu. Hal ini juga menunjukkan bahawa kata ini menghubungkan penjelasan waktu sebelum dan selepas sesuatu hal. Menurut Asmah Haji Omar (1993:331) 'lalu' boleh menggantikan 'kemudian' dalam keadaan tertentu, namun ada kalanya tidak. Hal ini demikian kerana 'lalu' mempunyai komponen makna kemudian, iaitu waktu tetapi 'kemudian' tidak mempunyai komponen makna 'lalu' iaitu waktu dan sebab. Oleh itu, kata penghubung 'kemudian' tidak boleh digunakan untuk menggantikan 'lalu' kerana makna yang dibawahnya terhad, iaitu selepas waktu. Contoh penggunaan kata penghubung waktu 'kemudian' di dalam novel terjemahan Harry Potter yang dipilih diberikan seperti yang berikut:

Sikap Malfoy semakin tidak menyenangkan sejak perlawanan Quidditch dahulu. Disebabkan rasa malu kerana pasukan Slytherin telah kalah, dia cuba membuat semua pelajar ketawa dengan mengatakan cara seekor katak pokok yang bermulut lebar akan menggantikan Harry sebagai Seeker suatu hari nanti.
Dia *kemudian* menyedari tiada sesiapa yang menganggap jenaknya itu lucu kerana mereka semua sangat kagum dengan cara Harry bertahan di atas penyapunya yang menggila. Jadi Malfoy dengan rasa cemburu dan marah kembali mengganggu Harry dan mengungkit tentang Harry tidak mempunyai keluarga yang sempurna.

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 200)

Petikan di atas menunjukkan kata penghubung waktu 'kemudian' telah menghubungkan waktu sebelum dan selepas Draco menyedari bahawa tiada sesiapa yang menganggap jenaknya itu lucu kerana mereka semua kagum dengan cara Harry bertahan di atas penyapunya yang menggila. Penggunaan 'kemudian' menjelaskan bahawa selepas Draco mengejek Harry dengan katak pokok bermulut lebar, Draco mula sedar bahawa tiada siapa yang mempedulikan ejekannya itu. Hal ini menunjukkan kesedaran Draco berlaku selepas dia selesai mengejek Harry.

1.4.5 Selepas

Kata 'selepas' membawa makna sesudah, setelah sudah atau setelah selesai (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2002: 799). Berdasarkan makna kata selepas, dapat diketahui bahawa sesuatu waktu yang telah berlalu akan dihubungkan dengan waktu seterusnya oleh kata ini. Penggunaan kata ini untuk menghubungkan dua waktu yang tidak sama secara jelas menyatakan bahawa kata ini dapat berfungsi sebagai kata penghubung yang menghubungkan dua waktu. Berikut merupakan contoh penggunaan kata penghubung waktu 'selepas' dalam novel terjemahan Harry Potter yang dipilih:

Dumbledore kelihatan seperti tahu apa yang difikirkan oleh Harry.
"Saya sangat mengenali ayah kamu, Harry, ketika dia bersekolah di Hogwarts dan *selepas* itu," katanya lembut. "Dia juga akan menyelamatkan Pettigrew, saya pasti itu."
Harry mendongak memandang Dumbledore.

(Sumber: Harry Potter dengan Banduan Azkaban (3): 410)

Penggunaan kata penghubung waktu 'selepas' di dalam petikan di atas memaparkan dua waktu yang berlainan. Ungkapan Dumbledore menggunakan kata penghubung selepas membawa maksud Dumbledore bukan sahaja mengenali ayah Harry Potter semasa ayahnya bersekolah di Hogwarts tetapi juga sesudah ayahnya tamat belajar di situ. Ini menjelaskan kepada Harry bahawa profesor itu mengenali ayahnya dalam dua waktu yang berlainan. Kata penghubung 'selepas' yang digunakan oleh Dumbledore menepati makna selepas, yakni sesudah atau setelah selesai.

1.4.6 Kini

Kata penghubung waktu 'kini' membawa makna sekarang ini atau waktu ini (*Kamus Dewan Edisi Ketiga*, 2002:682). Kata penghubung ini lazimnya digunakan untuk menghubungkan masa lalu dengan sekarang. Seperti kata penghubung waktu yang lain, kata penghubung waktu 'kini' juga menjadi penghubung kepada sesuatu kenyataan yang melibatkan masa dan tempoh masa tertentu. Penggunaan kata penghubung 'kini' sememangnya ada di dalam novel terjemahan Harry Potter yang dipilih. Contohnya:

Inilah pejabat pengetua Hogwarts pada zaman Riddle, dan bermakna ahli sihir yang tidak dikenalnya itu ialah pengetua sekolah pada masa itu, bukan Dumbledore.

Kini Harry hanya merupakan ilusi, langsung tidak kelihatan oleh manusia pada zaman lima puluh tahun dahulu.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 241)

Menerusi contoh di atas, 'kini' digunakan untuk menggabungkan dua ayat dan menjelaskan waktu dulu dan apa-apa yang sedang berlaku sekarang. Oleh itu, penggunaan kata penghubung 'kini' berada di kedudukan pangkal ayat. Menerusi kata penghubung 'kini' kita dapat mengetahui bahawa ayat "Inilah pejabat pengetua Hogwarts pada zaman Riddle, dan bermakna ahli sihir yang tidak dikenalnya itu ialah pengetua sekolah pada masa itu, bukan Dumbledore" merupakan kenyataan masa lalu, iaitu 50 tahun yang lalu, kenyataan waktu kini ialah 'Harry hanya merupakan ilusi, langsung tidak kelihatan oleh manusia pada zaman lima puluh tahun dahulu'. Penggunaan kata penghubung waktu 'kini' menjelaskan bahawa keadaan Harry kini berbeza dengan apa yang berlaku 50 tahun yang lalu.

1.4.7 Pertama, Kedua, Ketiga

"Pertama", "kedua" dan "ketiga" merupakan kata penghubung yang melambangkan nombor dan terdiri daripada satu morfem sahaja. Ketiga-tiga kata penghubung ini merupakan kata penghubung ordinal. Kata ordinal ialah kata nombor yang tidak menunjukkan jumlah dalam erti kata sebenarnya, tetapi melambangkan urutan dalam jumlah (Asmah Haji Omar, 1993: 89). Kata penghubung 'pertama' merupakan kata pinjaman Sanskrit. Ketiga-tiga kata penghubung ini digunakan secara serentak untuk sesuatu peristiwa untuk menunjukkan urutan masa atau siri berlakunya sesuatu (Nik Safiah Karim & Norliza Jamaluddin, 2004: 99). Penggunaan kata penghubung 'pertama', 'kedua' dan 'ketiga' memang ada digunakan dalam novel ini dan dapat dilihat menerusi contoh di bawah:

"Saya ada beberapa mata akhir yang hendak diberi," kata Dumbledore. Biar saya lihat dulu. Ya..."

"*Pertama* ... kepada Ron Wesley ..."

Wajah Ron bertukar ungu; dia kelihatan seperti lobak yang terbakar oleh panas matahari.

"... bagi permainan catur yang terbaik di Hogwarts sejak bertahun-tahun, saya memberikan lima puluh mata kepada Gryffindor."

Suara sorakan pelajar Gryffindor hampir mencecah siling; bintang-bintang pada siling itu kelihatan bergegar. Kedengaran suara Percy memberitahu pengawas-pengawas lain, "Adik sayalah" Adik lelaki bongsu saya! Dia berjaya melepasi set catur raksasa Profesor MacGonagall!"

Tidak lama kemudian senyap semula.

"*Kedua* ... kepada Cik Hermione Granger, bagi penggunaan logik yang tenang ketika bahaya, saya memberikan lima puluh mata kepada Gryffindor."

Hermione menekup wajahnya dengan tangan; Harry dapat mengagak yang dia sedang menangis gembira. Semua pelajar Gryffindor menghampiri mereka - mata mereka sudah meningkat sebanyak seratus.

"*Ketiga* ... kepada Harry Potter ..." kata Dumbledore. Dewan itu senyap sunyi. "... atas keberanian dan semangat luar biasanya, saya memberikan enam puluh mata kepada Gryffindor".

Riuh rendah kedengaran suara teriakan dan sorakan. Pelajar yang pandai mengira sambil berteriak dengan suara yang parau tahu bahawa Gryffindor sekarang mempunyai empat ratus dan tujuh puluh dua mata ... sama banyak dengan mata pasukan Slytherin. Kedudukan mereka sekarang seri kalaulah Profesor Dumbledore memberi lebih satu mata lagi kepada Harry

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 315&316)

Berdasarkan contoh ini, kata penghubung ordinal dimulai dengan "pertama" iaitu menunjukkan permulaan pemberian markah oleh Dumbledore kepada Ron. Kemudian, kata penghubung "kedua" digunakan untuk menjelaskan peristiwa pemberian markah seterusnya kepada Hermione. Urutan peristiwa pemberian markah seterusnya dihubungkan dengan kata penghubung "ketiga" dan diberikan kepada Harry. Penggunaan kata penghubung pertama, kedua dan ketiga oleh Dumbledore menunjukkan bahawa pemberian markah itu berlaku mengikut urutan bukannya pemberian dalam masa yang serentak. Penggunaan kata penghubung ini memberikan kesinambungan kepada peristiwa tersebut dan semua pihak memahami bahawa pengumuman yang dilakukan oleh Dumbledore mengikut urutan dan siri pengumuman ini tidak berlaku pada masa yang agak berbeza walaupun diumumkan dalam majlis yang sama.

2.0 PERANTI KOHESI LEKSIKAL

Selain unsur kohesi nahuan yang menjadikan sesebuah wacana itu mempunyai keutuhan, Halliday & Hasan (1976) memperkenalkan kohesi leksikal dalam sistem nahu fungsional mereka. Kohesi leksikal dipercayai muncul apabila dua kata dikatakan berkait dari segi makna yang didukung. Hubungan antara leksikal di dalam sesebuah ayat boleh mewujudkan pertalian antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana kohesi leksikal merupakan unsur linguistik yang dapat membantu untuk mewujudkan perpaduan dalam sesebuah wacana. Kohesi leksikal dikatakan berbeza dengan kohesi nahuan kerana unsur keutuhan wacana boleh dicapai dengan pemilihan leksikal tertentu. Berdasarkan kerangka Halliday & Hasan (1976) terdapat duacara kohesi leksikal boleh dicapai, iaitu melalui pengulangan dan kolokasi.

2.1 Pengulangan

Kohesi leksikal tergambar melalui aspek pengulangan, khususnya pengulangan leksikal tertentu (Halliday & Matthiessen, 2004: 571). Pengulangan unsur yang sama akan memberikan pendengar atau pembaca isyarat untuk kefahaman mereka. Hal ini demikian kerana pendengar dapat merujuk unsur yang dirujuk. Namun begitu, unsur yang dirujuk bukanlah hadir dalam bentuk yang sama. Contohnya, *dine, dining, diner, dinner* merupakan leksikal yang membawa makna yang sama dan boleh digunakan secara bertukar ganti untuk menunjukkan pengulangan. Kelainan sebegini boleh dilihat pada pengulangan leksikal tertentu yang memaparkan variasi. Sebenarnya leksikal sebegini muncul melalui kata terbitan. Selaras dengan makna yang dibawa oleh pengulangan yang boleh ditonjolkan dengan pernyataan semula, Halliday & Hasan (1976) telah memperkenalkan unsur pengulangan tertentu yang boleh mewujudkan kepaduan dalam sesebuah teks. Kohesi perulangan tersebut ialah pengulangan kata yang sama, sinonim, superordinat dan kata umum (Halliday & Hasan, 1976: 288). Berikut merupakan jadual kohesi leksikal yang ditemui di dalam novel Harry Potter yang dikaji:

Jadual 2.1: Unsur-unsur pengulangan kohesi leksikal yang terdapat di dalam novel terjemahan terpilih *Harry Potter*

Bil	Jenis Unsur Pengulangan
1	Pengulangan kata yang sama
2	Kata superordinat
3	Kata-kata umum

2.1.1 Pengulangan Kata yang Sama

Kohesi leksikal pengulangan kata yang sama ialah pengulangan kata yang sama dari sudut ejaannya. Bentuk yang serupa ejaan ini diulang sama ada di dalam ayat yang lain atau perenggan seterusnya. Penggunaan kata yang sama di dalam menyampaikan sesuatu membolehkan penerangan yang jelas diperoleh tentang aspek yang diperkatakan. Contoh pengulangan kata yang sama di dalam novel terjemahan terpilih Harry Potter adalah seperti yang berikut:

Bahagian kiri dan kanan *kereta* itu calar-balar dan berlumuran dengan lumpur. Jelaslah *kereta* itu telah bergerak sendiri mengeliling hutan.

(Sumber: Harry Potter dan Bilik Rahsia (2): 272)

Menerusi contoh di atas 'kereta' merupakan contoh pengulangan kata yang sama. Melalui pengulangan ini secara langsung maklumat yang disampaikan oleh kedua-dua ayat ini menjadi jelas dan mudah difahami oleh pendengar.

2.1.2 Pengulangan Superordinat

Superordinat juga dirujuk sebagai hiponim. Perkataan hiponim berasal daripada perkataan Yunani kuno 'onoma' yang bererti nama dan 'hypo' yang bererti di bawah. Hiponim ialah ungkapan yang maknanya dianggap sebahagian daripada ungkapan lain. Pengulangan hiponim ialah pengulangan yang melibatkan hubungan antara makna khusus dan makna umum (Sebastian Lobner, 2002: 43). Makna umum ini disebut sebagai superordinat manakala makna khusus disebut subordinat (Saeed, 1999: 69). Hubungan antara dua perkataan atau lebih yang berhiponim bersifat searah. Misalnya tenggiri ialah subordinat kepada ikan, iaitu superordinat sebab tenggiri termasuk dalam makna ikan. Namun begitu, ikan bukan hanya tenggiri sebaliknya meliputi ikan lain seperti bawal, kembung, cencaru, siakap dan lain-lain. Hal ini demikian kerana ikan ialah hipernim atau superordinat, iaitu ketua kepada pelbagai jenis ikan yang menjadi hiponim, subordinat atau ahli. Setiap perkataan yang mempunyai hubungan hiponim, hendaklah mempunyai atau berkongsi satu ciri umum dan mempunyai ciri khusus yang dapat membezakannya dengan subordinat lain dalam kumpulan tersebut. Contoh penggunaan kata superordinat di dalam novel ini boleh dilihat dalam memperkatakan hal berkaitan penyapu seperti yang berikut:

"Dia juga mempunyai susuk tubuh yang sesuai, kata Wood yang sekarang berjalan mengelilingi Harry dan merenungnya. "Ringan...pantas.kita harus dapatkan *penyapu* yang baik untuknya..Profesor...saya cadangkan *Nimbus Dua Ribu* atau *Tujuh Sapu Bersih*."

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 155)

Nimbus Dua Ribu dan Tujuh Sapu Bersih merupakan kata-kata subordinat, iaitu hipernim, kepada superordinat penyapu dalam contoh di atas. Penyapu merupakan hipernim, iaitu ciri umum dalam memperkatakan tentang Nimbus Dua Ribu dan Tujuh Sapu Bersih yang merupakan ciri khusus bagi penyapu. Penggunaan kata superordinat sebegini menjelaskan bahawa untuk menghuraikan sesuatu benda kita bukan sahaja merujuk ciri umum malah ciri khususnya.

2.1.3 Pengulangan Kata Umum

Pengulangan kata-kata umum merujuk kepada pengulangan yang menggunakan leksikal tertentu tetapi tidak mempunyai sebarang hubungan seperti sinonim, hiponim dan sebagainya. Pengulangan ini boleh dilakukan dengan penggunaan apa-apa juga

kata yang mampu memberikan kefahaman dan menunjukkan rujukannya. Penggunaan pengulangan kata umum di dalam novel terjemahan terpilih Harry Potter dapat dilihat menerusi contoh di bawah:

Akhirnya mereka menemui *katil-katil* mereka; *lima* katil besar yang digantung dengan langsir baldi berwarna merah.

(Sumber: Harry Potter dengan Batu Hikmat (1): 133)

Kata umum 'lima' merupakan pengulangan kata umum dalam merujuk kepada jumlah katil. Kata 'lima' merupakan kata ordinal yang tidak mempunyai hubungan sinonim, hiponim, hipernim atau seumpamanya dengan kata katil-katil akan tetapi kata 'lima' digunakan untuk mengulang jumlah katil yang ditemui oleh mereka. Pengulangan kata umum yang tidak berkaitan antara satu sama lain masih berupaya menyampaikan makna dengan jelas.

2.2 Kolokasi

Pengulangan kolokasi melibatkan kehadiran sekumpulan kata yang saling berkait dengan sesuatu idea, topik, situasi atau konteks. Lazimnya pengulangan kolokasi melibatkan hubungan leksikal yang mempunyai lingkungan yang sama (David Nunan, 1993: 29). Contohnya ikan, udang dan sotong merupakan perkataan yang berkolokasi kerana mempunyai lingkungan yang sama, iaitu hidupan laut. Hal ini bermaksud perkataan ini akan merangkumi makna ciri umum yang didukung oleh semua kata kolokasinya.

Selain itu, perkataan berkolokasi berkongsi medan makna yang sama antara satu sama lain. Pada peringkat umum dan intuisi, kita dapat mengatakan bahawa kata-kata dalam satu medan makna sungguhpun tidak bersinonim, semuanya akan digunakan untuk bercakap tentang fenomena umum yang sama dan terdapat perkaitan perangkuman makna antara butiran dalam medan tersebut dengan kategori medan itu sendiri (Mukhlis Abu Bakar, 2002: 236). Contoh klasik medan warna ialah istilah makna, seperti 'merah', 'biru', 'hijau' 'kuning' dan warna-warna lain'.

Di dalam novel ini penggunaan kolokasi juga dapat dikesan, contohnya pengulangan kolokasi yang sering ditemui ialah berkaitan permainan Quidditch.

Rajah 1.0: Gelanggang Quidditch di dalam novel terjemahan terpilih Harry Potter



Berdasarkan permainan Quidditch terdapat dua kategori perkataan yang berkolokasi, iaitu berkaitan bola permainan ini dan pemainnya. Kolokasi perkataan bola ialah Snitch, Quaffle dan Bludger. Kolokasi perkataan pemain ialah *seeker*, *chaser*, *keeper* dan *beater*. Semua perkataan berkolokasi ini mempunyai medan makna permainan Quidditch. Semua perkataan ini secara langsung merangkumi makna permainan Quidditch. Selain itu, tanpa disedari sebenarnya terdapat dua kumpulan yang berkolokasi dengan permainan ini, iaitu Gryffindor dan Slytherin⁴.

RUMUSAN

⁴ Terdapat empat kumpulan di dalam novel Terjemahan Terpilih Harry Potter yang dipilih. Kumpulan Hufflepuff dan Ravenclaw tidak begitu ditonjolkan dalam penceritaan ini berbanding kumpulan Gryffindor dan Slytherin.

Rumusannya, berdasarkan aspek kohesi nahuan dan leksikal yang dipaparkan dalam novel ini jelaslah menunjukkan bahawa kepentingan kedua-dua aspek ini dalam penghasilan sesebuah teks. Melalui kohesi nahuan dan leksikal setiap unsur ayat, klausa, frasa ditautkan dengan ayat, frasa dan klausa yang lain. Hal ini menjadikan proses penceritaan di dalam novel ini mudah difahami oleh pembacanya. Selain itu, penggunaan kedua-dua aspek peranti kohesi ini juga menunjukkan penulis novel ini mempunyai stail dan kaedah penulisan yang tersendiri dalam usaha untuk menjadikan jalan cerita novel ini menarik dan mudah diterima oleh masyarakat pembacanya. Peranti kohesi yang digunakan secara bersesuaian dengan bahasa Melayu yang dijadikan sebagai bahasa sasaran terjemahan novel ini. Dengan penggunaan peranti kohesi ini setiap siri novel ini ditampilkan dengan unsur kesinambungan yang seimbang dan mendorong proses pembacaan novel ini menjadi lebih berstruktur dan menarik untuk diteruskan oleh khalayak pembaca. Keunikan kandungan novel sains fiksi ini diikuti dengan penggunaan peranti kohesi yang sesuai dan tepat akhirnya menjadikan hasil karya penulis J.K.Rowling ini antara novel yang laris dan mendapat sambutan hangat jutaan pembaca diseluruh dunia.

RUJUKAN

- Anang Sontoso. (t.t.). Jejak Halliday dalam Linguistik Kritis dan Analisis Wacana Kritis. <http://www.searchinpdf.com/JEJAK-HALLIDAY-DALAM-LINGUISTIK-KRITIS-DAN-ANALISIS-WACANA-KRITIS> (10/1/1012).
- Analisis dalam Wacana Kritis dalam Novel Aku Lupa Bahwa Aku Perempuan. (t.t.). <http://repository.usu.ac.id/bitstream/123456789/18475/3/Chapter%2011.pdf> (7/1/2012).
- Apakah Spiritual dan Okultisme?. (t.t.). <http://www.id.amazinghope.net/apakah-spiritualisme-dan-okultisme/>. (23/4/2012).
- Argus Filch. (t.t.). <http://mapyourinfo.com/wiki/ms.wikipedia.org/Argus%20Filch/> (22/4/2012)
- Asmah Haji Omar. (1980). Analisis Wacana (Bahagian Pertama). *Jurnal Dewan Bahasa*, 24(3): 11-25. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1980). Analisis Wacana (Bahagian Akhir). *Jurnal Dewan Bahasa*, 24(4): 9-25. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Allen, G. (2000). *Intertextuality*. London: Routledge.
- Bakhtin. M. (1981). *The Dialogic Imagination*. Austin: University of Texas Press.
- BBC News. Rowling 'makes £5 every second' 3 October 2008. <http://news.bbc.co.uk/2/hi/entertainment/7649962.stm> (22/3/12).
- Bonvillian, Nancy. (2003). *Language, Culture, and Comunication 4th Edition*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Brown, R & Gilman, A. (1960). *The Pronouns of Power and Solidarity*, Thomas A. Seebeek Edition, *Style in Language*, (253-276) Massachusetts: M.I.T Press
- Brown, R & Ford, M. (1964). Adress In *American English*, Dell Hymes. *Language In Culture and Society*, 234-244. New York: Harper & Row.
- Brown. G. & Yule. G. (1988). *Discourse Analysis*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Candad. (2012). *Interdiscursivity*. <http://cadaad.net/glossary/interdiscursivity>. (2/3/2012)
- Cresswell, J. W. (2005: 39). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions*. California: SAGE Publications.
- Course in General Linguistics. (2012). http://en.wikipedia.org/wiki/Course_in_General_Linguistics (20/4/2012).
- Crookshanks. (t.t.). <http://ms.wikipedia.org/wiki/Crookshanks>. (15/4/2012)
- Dabbs, James, M. (1982). *Varieties of Research*. California: Sage Publications.
- Dawn, A. and Peter Grubdy. (2001). *The Pragmatics Reader*. London and New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- David. Nunan. (1993). *Introducing Discourse Analysis*. England: Penguin Books Ltd.
- Definisi Pengertian Ekonomi mengikut Para Ahli Ekonomi (t.t) http://carapedia.com/pengertian_definisi_ekonomi_menurut_para_ahli_info501.html (19/4/2012).
- Dr. C. George Boeree. (1998). Abraham Maslo <http://webpace.ship.edu/cgboer/maslow.html> (7/4/2012).
- Ekonomi (t.t). <http://ms.wikipedia.org/wiki/Ekonomi> (10/4/2012).
- Eriyanto. (2001). Analisis Wacana: Pengantar Analisis Teks Media. http://books.google.com.my/books?id=cpDAPMAmimcC&printsec=frontcover&source=gbs_vpt_reviews#v=onepage&q&f=false (12/1/2012).
- Fairclough, M. (1992). *Discourse and Social Change* Cambridge. Polity Press.
- Fairclough, M. (1995). *Critical Discourse Analysis*. London: Longman.
- Harris, Z. (1952). *Discourse Analysis Language*, 28, 1952, hlm. 1-30.
- Halliday Context. (t.t). http://www.studyplace.org/wiki/Halliday_Context (25/2/2012).
- Halliday, M.A.K. (1985). *Language, Context, and Text: Aspect of Language in a Social-Semiotic Perspective*: Victoria: Deakin University Press.
- Harry Potter. (t.t). Wikipedia The Free Encyclopedia. **Error! Hyperlink reference not valid.** (22/2/12).
- Henry Guntur Tarigan. (1987). *Pengajaran Wacana*. Indonesia: Angkasa Bandung.
- Henry Guntur Tarigan (1995). *Pengajaran Wacana*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Holmes, J. (2008). *An Introduction to Sociolinguistics*. 3rd Edition. Pearson Education Schweiz: Longman.
- Idris Aman. (2006). *Analisis Wacana*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- Idris Aman. (2006). *Bahasa dan Kepimpinan : Analisis Wacana Mahathir Mohamad*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan.
- J.K.Rowling. (t.t). http://id.wikipedia.org/wiki/J.K._Rowling. (25/4/2012).
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2002). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Kanchana Devi Sibeperegasan. (2007). Penterjemahan Perkataan Taksa: Satu Analisis berdasarkan Novel Harry Potter and The Chamber of Secrets Oleh J.K.Rowling dan Hasil Terjemahannya Harry Potter dan Bllik Rahsia. Tesis Sarjana Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Lei Mei Lee. (2005). The Discursive Costruction of Aids in Print Media. A Critical Discourse Analysis. Tesis Phd. Fakulti Bahasa dan Linguistik. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Luc. (2011). Sains dalam Fiksiyen Harry Pote karya J.K.Rowling.<http://pseudosains.blogspot.com/2011/08/sains-dalam-fiksiyen-harry-potter-karya.html> (2/4/2012).
- Muhammad Shahriar Haque. (2005). Discourse of Exclusion. A Critical Discourse Analysis of Recruitment Advertisement. Disertai Sarjana. Gombak. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Neuman, W.L. (2006). Sosial Research Methods: Qualitative and Quantitative Approaches 6th Edition. Boston: Allyn and Bacon.
- Nunan, D. (1993). Introducing Discourse Analysis. England: Penguin Books Ltd.
- Oktavianus. (2006). Analisis Wacana Lintas Bahasa. Padang: Andalas Universiti Press.
- Palmer, F.R. (1989). Semantik. Terjemahan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
Penerbit Pelangi. (t.t). http://www.pelangibooks.com/v2/index.php?page=shop_product_details&flypage=flypage.tpl&product_id=8185&category_id=&keyword=Harry+potter&option=com_virtuemart&Itemid=108&la=n. (27/5/2012).
- Peuceuk, M. (1982). Language, Semantic and Ideology. London: Macmillan.
- Raphael, S. (1995). Text and Discourse Analysis. London and New York.
- Renkema, J. (2004). Introduction To Discourse Studies. Philadelphia USA: John Benjamins Publishing Company.
- Reginald. (1996). Nicholas Flamel **The Book of Abraham the Jew. Error! Hyperlink reference not valid.** (15/5/2012).
- Ridyasmara. (2009). Sisi Gelap Okultisme Harry Potter. <http://id.shvoong.com/books/novel-novella/1951574-sisi-gelap-harry-potter/> (233/2012)
- Roberts, Adam. (2000). Science Fiction (the New Critical Idiom). London: Routledge.
- Sarjit Singh & Zahid Emby. (2010). Pengantar Sains Sosial. Kuala Lumpur: Meteor.
- Sara Mills. (1972). Discource and Ideology. <http://book.google.com.my/books?id=5pUwqrcOyAic&pg=PA41>. (21/3/2012).
- Selina Ooi Kim See. (2002). Representing Gender Through Language in "The Harry Potters Series" A Feminist Stylistic Analysis. Tesis Sarjana, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan: Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Senarai Watak Siri Novel Harry Potter. (t.t). http://ms.wikipedia.org/wiki/Senarai_watak_siri_Harry_Potter. (21/5/2012).
- Sihir dalam Harry Potter (t.t). http://ms.wikipedia.org/wiki/Sihir_dalamHarry_Potter (21.4.2012).
- Teun A. van Dijk. Critical Discourse Analysis/: [http://www.discourse.org/OldArticles/Critical %20discourse %20analysis.pdf](http://www.discourse.org/OldArticles/Critical_%20discourse_%20analysis.pdf) (8/1/2012).
- Zulkifley Hamid. (1996). Bahasa: Konsep, Fungsi, dan Penguasaannya oleh Penutur. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.